



**DISCOVER**  
— ITS BEAUTY —  
Temui Keindahannya



## Kebenaran Tertinggi dalam Islam

Semua Nabi dan Rasul yang diutus oleh Allah — termasuk Nabi Adam, Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad ﷺ — telah diutus oleh Tuhan yang sama, iaitu Allah, Pencipta sekalian alam. Ke semua para Nabi dan Rasul membawa satu mesej yang sama dan kekal sepanjang zaman:

**"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Pencipta sekalian alam. Maka sembahlah Dia semata-mata."**

**Untuk maklumat lanjut dan sesi perbualan:**



**[www.discoveritsbeauty.com](http://www.discoveritsbeauty.com)**

## Nama-Nama dan Kepercayaan Utama dalam Islam

**Allah** ialah nama bagi Tuhan Yang Maha Esa, Pencipta sekalian alam dan Tuhan yang sebenar bagi seluruh umat manusia.

**Nabi Muhammad** ﷺ (selawat dan salam ke atas baginda) ialah Rasul terakhir yang diutus oleh Allah kepada seluruh manusia.

**Al-Qur'an** ialah Kalam terakhir yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ.

**Islam** bermaksud penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa.

**Muslim** ialah seseorang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dan menyembah-Nya semata-mata.

### Gerbang Kebahagiaan dan Keselamatan dalam Islam (Syahadah - Penyaksian Keimanan)

**"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah."**

(Dengarkan lafaz penyaksian ini dalam bahasa Arab)

Syahadah ialah penyaksian keimanan yang perlu dilafazkan oleh seseorang untuk memeluk Islam. Lafaz yang ringkas ini merangkumkan kebenaran, keindahan dan kesederhanaan ajaran Islam.

